

03/10/1999

Le Tour de Langkawi lulus cemerlang

Halmi Samad

SANG pesimis sudah `berkira-kira' untuk mentertawakan jelajah Le Tour de Langkawi 1999 (LTDL '99). Perlumbaan jelajah edisi keempat itu mengecapi status 2.4 berbanding 2.6 pada tahun pertama penganjur, First Cartel (M) Sdn Bhd (First Cartel) memperkenalkannya di kancah dunia.

Banyak yang kononnya bersedia menjadi `tukang meredakan duka' andainya LTDL '99 merintis laluan kecewa. Tidak kurang juga yang meramalkan First Cartel akan sukar meyakinkan penaja kerana status 2.4 membawa konotasi kantung harus lebih berisi.

Namun, perlumbaan edisi keempat bukan saja mengundang pujian melangit, tetapi LTDL '99 lulus cemerlang ujian terbesar itu. Memetik kata-kata Presiden Komisar LTDL '99, Wim Jeremiasse dari Belanda yang gah dengan pengalaman 25 tahun bergelumbang dalam siri perlumbaan elit anjuran Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI):

"Saya sangat kagum dengan cara penganjuran Le Tour de Langkawi 1999. Saya sudah bertugas di Tour de France, Giro d'Italia dan Tour of Spanish (Spanish Vuelta), dan saya berani katakan betapa Jelajah (Tour) ini boleh menandingi mana-mana perlumbaan jelajah terbesar di Eropah.

"Semuanya diatur dan disusun dengan cemerlang. Bermula daripada aspek keselamatan pelumba, laluan perlumbaan, organisasi teknikal, hotel dan bilik mesyuarat... semuanya bertaraf dunia.

"Malah, ada perlumbaan bertaraf 2.2 di Eropah yang tidak setaraf dengan Le Tour de Langkawi."

Jeremiasse turut berjanji menghantar laporan perlumbaan LTDL '99 bersadurkan kata-kata molek kepada pengurusan UCI - satu tekad yang jarang sekali diperakukan `Mat Salleh'.

Dan, sememangnya LTDL '99 memperjudikan maruah First Cartel. Sesudah mencatat sejarah unik - muncul perlumbaan jelajah pertama di Asia yang paling cepat mengecapi status 2.4; LTDL '99 mendedahkan segala-galanya, daripada risiko petaka atau ceria kejayaan.

Tetapi, sejarah sekali lagi membuktikan `First Cartel Boleh' dan `Malaysia Boleh'. Pengerusi Eksekutif First Cartel, Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim menegaskan LTDL '99 adalah antara edisi perlumbaan yang paling berjaya dalam lipatan sejarah di negara ini.

Wan Lokman percaya sokongan padu semua pihak yang sama-sama berasa tanggungjawab untuk menjayakan projek nasional cetusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad faktor LTDL '99 berupaya menepis tanggapan buruk.

"Suasana karnival ini bukan milik kami seorang. Ia melambangkan aspirasi dan kemahuan warga Malaysia. Le Tour de Langkawi adalah lambang kejayaan Malaysia pada mata dunia.

"Dan, saya sangat gembira kerana Le Tour de Langkawi 1999 berjalan lancar. Semua pihak, termasuk penaja khususnya Proton, Telekom, Penerbangan Malaysia (MAS), Proton dan Petronas serta Kementerian Belia dan Sukan, sanggup bekerja keras dan menunjukkan komitmen tinggi membantu kami. Saya ulangi sekali lagi, Le Tour de Langkawi 1999 kejayaan semua. Bukannya untuk kami saja," katanya baru-baru ini.

Segenap faktor itu menjadikan Le Tour de Langkawi, perlumbaan jelajah paling unggul di Asia, sekali gus `mencicirkan' jauh pesaingnya seperti Tour of Japan (2.4), Tour de Taiwan (2.6) dan Jelajah Filipina (2.5).

Andrea Tafi, tonggak Mapei Quick.Step dan pelumba Itali yang sentiasa menduduki ranking 10 terbaik dunia pula menyifatkan Le Tour de Langkawi

antara jelajah yang paling menyeronokkan dalam kariernya.

"Ia pengalaman yang sangat menyeronokkan. Berkayuh dalam terik mentari, cabaran pelumba pasukan agak getir, keramahan penduduk Malaysia, makanan dan segala-galanya. Ia sukar diperoleh di negara lain di Asia. Ia hanya ada di Malaysia," katanya. Pendapatnya itu dipersetujui Fred Rodriguez.

Tidak sukar untuk menelah kata-kata Tafi. Sesungguhnya dan sememangnya Le Tour de Langkawi, antara perlumbaan jelajah terbaik di dunia!

(END)